

## 2,000 Peminat Piala Dunia Banjiri Stadium UMS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 17 Julai 2018 16:26 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 237

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**SELASA, 17 JULAI** - Kira-kira 2,000 peminat bola sepak membanjiri Stadium Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menyaksikan perlawanan akhir Piala Dunia 2018 antara Perancis dan Croatia Ahad lalu.

Program yang dikenali sebagai “Bola Dulu Bah 2018” merupakan anjuran bersama UMS, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Sabah dan Pejabat Parlimen Sepanggar.

Pelbagai acara menarik telah diadakan, antaranya cabaran permainan video FIFA PS4, kuiz “Bola Dulu Bah”,

pertandingan timang bola, cabaran penalti serta perlawanan persahabatan bola sepak antara gabungan UMS, RTM, Pejabat Parlimen Sepanggar menentang bekas pemain bola sepak Sabah (Sabah Star 90’s).

Acara turut dimeriahkan dengan Persembahan “Bejiming Kita” daripada unit Hiburan dan Muzik RTM Sabah yang turut menampilkan artis-artis tempatan seperti Esther Applunius Chin dan Rey Kimara selain penampilan penyampai radio Sabahfm dan SabahVfm.

Program yang berlangsung sehingga pukul 1.30 pagi itu turut mendapat liputan secara lintas langsung sebanyak tiga kali di TV1.

Turut hadir memeriahkan majlis Pembantu Menteri Belia dan Sukan Sabah, Arunarsin Taib mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal dan Zakaria Damit, Setiausaha Sulit Ahli Parlimen Sepanggar, Dato’ Aziz Jamman yang juga merupakan Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin; Ketua Penolong Pengarah Rancangan TV, Francis Fahir; dan Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri Sabah, Francis Au.